<https://www.youtube.com/watch?v=ldiW0JqaHQg>

**12 NOON PAUSE-AND-PRAY  
THE LORD'S PRAYER**



Let us raise 1 million Christians to pray **The Lord's Prayer** at noon each day. Let us set our phone alarms and take a praise break at **12 pm**.

**PRAY-FOR-5 TO COME TO SALVATION IN  
JESUS CHRIST**

**Renewing Our Pledge to  
Pray for the Lost**

**PRAYING FOR OTHERS TO KNOW JESUS IS ONE OF THE MOST POWERFUL THINGS WE CAN DO. PERSISTENT PRAYER FOR OTHERS BRINGS TRANSFORMATION TO THEIR LIVES. CONSISTENTLY PRAYING FOR OTHERS TAKES DISCIPLINE, AND THERE ARE MANY WAYS THAT WE CAN BUILD UP HABITS THAT WILL HELP US TO PRAY.**

- PRAY FOR 5 INDIVIDUALS**  
Choose 5 individuals you know to regularly pray for their salvation.
- SET A TIME TO PRAY**  
Set an alert or alarm so that you can stop daily to pray for the lost to come to a saving faith in Jesus Christ.
- MAKE A COMMITMENT**  
If you have not prayed before, now is the time to make a commitment to pray for the lost. If you have, renew your pledge to pray and ask God for opportunities to share the gospel.
- PRAY FOR 2 PEOPLE GROUPS**  
Choose 2 unreached people groups that you know to regularly pray for breakthrough in their community to receive the gospel of hope and salvation.

Commit to pray daily for **5 persons** who have yet to come to salvation in Jesus Christ. Pray with expectation.

**2021 – THE YEAR OF PERSEVERING IN SOWING  
MALAYSIA YEAR OF PRAYER 2021 BOOKLET**



Download the full e-copy of the **Malaysia Year of Prayer 2021** [here](https://drive.google.com/drive/folders/1izl7KVVbdXlrPIEpU--VGIRjTJihoHMN?usp=sharing).  
(Link: <https://drive.google.com/drive/folders/1izl7KVVbdXlrPIEpU--VGIRjTJihoHMN?usp=sharing>)

# PANDUAN DOA MINGGUAN



## TAAT AKAN ALLAH, BUKAN MANUSIA

*Mereka membawa para rasul ke hadapan Majlis Agama. Imam besar berkata, "Bukankah kami telah melarang keras kamu mengajar atas nama itu? Tetapi lihatlah, kamu telah menyebarkan ajaran itu ke serata Yerusalem dan berniat mempertanggungjawabkan kami atas kematian-Nya!" Petrus dan rasul yang lain menjawab, "Kami harus taat akan Allah, bukan manusia!" – KPR 5:27-29<sup>AVB</sup>*

Berdepan dengan ugutan dan amaran dari Majlis Agama di Yerusalem, Petrus serta rasul-rasul lain tidak mengikuti arahan Majlis Agama untuk berhenti usaha penginjilan mereka, tetapi terus menyebarkan Injil dengan berani.

Dunia ini semakin terjerumus dalam dosa, di mana kebanyakan kerajaan mengongkong kebenaran melalui perundangan ketat. Jemaah Kristian di seluruh dunia akan mengalami penganiayaan yang lebih ketara serta dipenjarakan oleh kerana berani memberitakan Injil sambil berdiri teguh dalam iman. Ia amat senang untuk kita berhenti berwaspada terhadap mereka yang sesat, golongan yang ditindas melalui politik ataupun budaya, dan orang yang dianiaya oleh kerana kepercayaan mereka. Kasih sayang semakin luput di hati manusia, di mana kita berdiam kerana ketakutan, ataupun ingin beribadah secara sendirian – untuk kebenaran politik dan supaya kita diterima oleh masyarakat.

Ayuh, marilah kita berdoa sekali lagi untuk keberanian dalam mentaati Allah dan bukan manusia, agar kita tidak digoda untuk mengkhianati iman kita walaupun berhadapan dengan cubaan dan cabaran yang hebat. Kita bersyukur untuk Tokoh-Tokoh Gereja Awal yang mencontohi bagaimana kita harus berdiri teguh di tengah badai, menghadapi penganiayaan dari segi politik dan agama, walaupun menghadapi penganiayaan dan ugutan.

Semoga kehidupan kita taat setia kepada Tuhan Yesus, dengan mengikut KPR 5:41-42, *"Ketika beredar pergi dari Majlis Agama, para rasul bersukacita kerana dianggap layak menanggung aib atas nama Yesus. Setiap hari, di Bait Suci dan di setiap rumah orang, mereka terus-menerus mengajarkan dan mengkhabarkan berita baik bahawa Yesus itulah Mesias."*

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, **\*Pause\*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, **\*Rejoice\*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan **\*Reflect\*** (Merenung) atas Alkitab. **\*Ask\*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan **\*Yield\*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

## FOKUS DOA MAC

### Perlaksanaan Program Imunisasi

Program imunisasi yang berjaya pada tahap kebangsaan

### Keadilan dan Perbenaran Dilaksanakan

Agar perbenaran dan keadilan Allah dilaksanakan di dalam negara kita

### Ulangtahun ke-7 Kehilangan MH370

Untuk pesawat dijumpai agar mangsa serta keluarga mangsa menerima keadilan

**PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja** - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus

**BACA & RENUNGAN** Kisah Para Rasul 5:12-42

### DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, kita menghadap Engkau dan mengakui bahawa kita serba kekurangan dalam mengasihi Engkau. Perbuatan kita tidak selari dengan kata-kata kita. Kita menghormati Engkau dengan kata-kata tetapi hati kita jauh daripada-Mu.

Kita tidak mengasihi jiran kita dengan secukupnya, kerana jika kita betul-betul mengasihi mereka, kita sudah kian lama memberitakan Injil kepada mereka, sepertimana Tokoh-Tokoh Gereja Awal lakukan, dari pintu ke pintu. Kita hanya menipu diri sendiri bahawa kita berbuat baik demi nama baik sendiri, tetapi kita mengakui bahawa iman kita tidak membara dan kuat seperti yang Kau ingini. Kita meratap akan kesejukan hati, kekerasan hati, dan hati yang licik. Kita berdoa agar kita menyerupai Engkau dari segi belas kasihan dan kebaikan, sepertimana George Whitefield berdoa, *“Berikan aku kerendahan hati yang luarbiasa, ya Allah, bimbingkan aku, serta kurniai aku dengan kasih yang mendalam, keazaman yang tertumpu, agar aku sentiasa sedia menghadapi sebarang serangan - dari manusia ataupun alam roh.”*

Usirkan kesejukan hati dan ketidaksabaran aku. Berikan aku kerendahan hati yang luarbiasa dan yang mencerminkan Tuhan Yesus Kristus kita, di mana aku dapat menunjukkan kasih, kesabaran hati dan belas kasihan. Pimpinlah langkahku, agar aku sentiasa melakukan kehendak-Mu. Berikan aku keberanian untuk menghadapi cabaran dalam melakukan segala yang Tuhan Yesus arahkan aku. Hapuslah segala kerisauan hati saya. Pulihkan aku, ya Tuhan, melalui Roh Kudus-Mu, dan usirkan ketakutan dalam hati aku, ketagihan aku akan pengiktirafan orang lain, keselesaan aku, kerakusan akan kuasa, dan iri hati aku. Ubahlah hati aku, agar aku dipimpin kasih yang sentiasa membara, demi kemuliaan Engkau dan kebaikan orang lain. Ya Tuhan Allah, semoga aku membenci dosa sepertimana Engkau membenci dosa, dan semoga aku sentiasa melakukan perkara yang menyenangkan hati Engkau Dalam nama Yesus aku berdoa, Amin.

### REJOICE PENYEMBAHAN

#### PUJIAN

Allah Maha Kuasa, kita memuji nama-Mu yang besar dan ajaib. Kita bersyukur atas kebahagiaan dan penyelamatan yang sempurna melalui Yesus Kristus, Tuhan kita. Sememangnya, Engkau telah merahsiakan perkara ini daripada nabi-nabi dahulu kala, namun kita diberkati kerana telah menerima hadiah-Mu yang sempurna – Anak Tunggal Allah.

Kita tetap percaya kepada kasih-Mu yang tidak pernah gagal, ya Tuhan Yesus. Kita mengasihi Engkau kerana Engkau yang mengasihi kita dari dahulu, Engkau yang turun dari syurga untuk menyelamatkan yang sesat dan sakit. Terima kasih, Tuhan. Dalam-Mu, kita dapat melakukan segala sesuatu melalui kekuatan-Mu.

Kita bersyukur atas hadirat Roh Kudus, yang merupakan Penghibur dan Guru kita, yang menolong kita menumpukan mata kita kepada-Mu agar kita tidak akan takut ketika berada di tengah badai. Engkau telah berjanji untuk menyertai kita sentiasa, dan janji inilah harapan dan kekuatan kita. Segala kemuliaan adalah kepunyaan-Mu. Kita memuji-Mu, Tuhan Yesus Kristus kita, kerana Engkaulah yang Maha Kudus dan akan memerintah untuk selamlamanya. AMIN.



#### CADANGAN LAGU: KU BERBAHAGIA

[V1] Kuberbahagia yakin teguh,  
Yesus abadi kepunyaanku,  
Aku waris-Nya, ku ditebus,  
Ciptaan baru Roh Kudus.

[C] Aku bernyanyi bahagia,  
Memuji Yesus selamanya.

[V2] Pasrah sempurna, nikmat penuh,  
Suka syurgawi melimpahiku,  
Lagu malaikat amat merdu,  
Kasih dan rahmat besertaku.

[V3] Aku serahkan diri penuh,  
Dalam Tuhanku hatiku teduh,  
Sambil menyongsong kembali-Nya,  
Ku diliputi anugerah.

Pautan:

[https://www.youtube.com/watch?v=hn\\_dnjGhtM6c](https://www.youtube.com/watch?v=hn_dnjGhtM6c)

## DOA SYAFAAT

**ASK BERMINTA** Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan (Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai ini).

### 1. PEMULIHAN NEGARA

- a. **Penyucian Suasana Rohani.** Memandangkan pengisytiharan Proklamasi Darurat dari 12 Januari ke 1 Ogos, 2021, mari kita terus berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan SHALOM kepada Malaysia. Doa agar Allah menewaskan setiap kejahatan dalam segala hal-ehwal politik yang rakus akan kuasa dan kekayaan;
- b. **Sinarkan terang-Nya atas kegelapan di Malaysia.** Untuk membongkarkan segala motif tersembunyi, serta menyebabkan kuasa jahat lari lintang-pukang dalam nama Yesus yang berkuasa. Doa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar;
- c. **Pemulihan ekonomi.** Berdasarkan laporan KWSP, kadar pengangguran Malaysia dijangka akan mencecah 13% di mana 2.4 juta orang akan menganggur. Doakan agar dasar ekonomi yang berkesan akan ditubuhkan untuk memulihkan ekonomi dan pelbagai sektor perniagaan, misalnya, pelancongan yang terjejas akibat pandemik ini;
- d. **Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan** yang sentiasa mempengaruhi pilihanraya dan dasar kerajaan, serta hal-ehwal pembelian dan pentadbiran Syarikat Berkaitan Kerajaan GLC. Doakan agar ahli politik yang jujur akan dilantik;
- e. **Kebertanggungjawaban dan pentadbiran urus baik** Kebertanggungjawaban pada setiap lapisan Kerajaan, terutamanya bermula dari Kabinet hingga ke penjawat awam;
- f. **Menghentikan penyelewengan wang.** Ini termasuk semua penyaluran dana awam melalui pelbagai institusi seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan GLC untuk sebarang sebab selain daripada memanfaatkan negara dan semua Rakyat;
- g. **Kecemerlangan dalam segala hal.** Doakan agar roh yang merosotkan sistem pendidikan, mengurangkan kadar produktiviti kebangsaan serta mengongkong minda rakyat diganti oleh semangat kecemerlangan.

### 2. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. **Pelanggaran syarat-syarat penyekatan.** Untuk kebijaksanaan di kalangan pihak berkuasa dalam melaksanakan PKPB di setiap negeri memandangkan keadaan ekonomi sekarang;
- b. **Laporan konsisten dan tepat.** Usaha ujian antigen harus diteruskan untuk menjayakan keputusan penularan jangkitan di kalangan komuniti. Doakan untuk usaha memutuskan penularan Covid-19 akan berjaya;
- c. **Pelaksanaan program imunisasi berjaya.** Agar program imunisasi ini akan berjaya, terutamanya dalam penyimpanan dan pengagihan vaksin ke kawasan pedalaman. Semoga pelbagai vaksin yang diperolehi tidak membawa sebarang kesan sampingan;
- d. **Sistem kesihatan awam untuk bertahan.** Kita berterima kasih kerana hospital awam Malaysia dan Pusat Kuarantin Pesakit Berisiko Rendah Covid-19 mengalami lebih penyembuhan;
- e. **Kuatkan Pekerja Baris Hadapan.** Kuatkan mereka dengan daya ketahanan dan lindungi mereka dari keletihan serta sebarang jangkitan. Doakan agar pekerja baris hadapan akan menerima vaksin dari awal lagi, dan tidak ada sesiapa pun yang akan memotong giliran;
- f. **Pihak awam untuk peka dan bertanggungjawab.** Memandangkan pergerakan merentas daerah dan negeri dibenarkan telah dilonggarkan di beberapa tempat, doakan agar orang awam akan memenuhi tanggungjawab mereka untuk patuh pada SOP serta mendaftarkan diri untuk divaksin. Doa agar pihak awam tetap peka dan bertanggungjawab walaupun keletihan;
- g. **Keadilan sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP.** Agar polis dan penguatkuasa berlaku adil dalam segala hal sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP; dan
- h. **Perniagaan yang terjejas.** Puji Tuhan kerana lebih banyak perniagaan dibuka. Doakan agar perniagaan akan pulih dan berjaya. Lindungi usahawan dari tekanan dan putus asa, agar kebajikan pekerja akan dijaga, terutamanya mereka yang kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang serta golongan pekerja pendatang.

### 3. BERDOA UNTUK KEBENARAN, KEADILAN DAN PERBENARAN

*“Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan perbenaran seperti sungai yang selalu mengalir.” – Amos 5:24 AVB*

*Masyarakat yang hanya berdasarkan aktiviti keagamaan – penuh dengan undang-undang, pengorbanan, dan perayaan – tetapi tidak menegakkan kebenaran, keadilan, dan perbenaran, akhirnya akan mengalami kemerosotan moral. Satu tanda tersebut merupakan penindasan golongan minoriti. Cara kita sebagai gereja menjaga mereka yang miskin, ditindas, dan tidak mampu bersuara, menjadi contoh jiwa sebuah negara. Kita adalah duta kerajaan Allah, dan harus memainkan peranan kita dalam transformasi masyarakat serta budaya dari segi penindasan ekonomi dan ketidakadilan dalam negara.*



- a. **Sistem Perundangan.** Doakan agar Roh Kudus akan bekerja dalam jiwa-jiwa golongan pentadbir dalam Kerajaan: Undang-undang, Pentadbiran dan Kehakiman. Semoga Parlimen bersidang semula agar negara dapat ditadbirkan sepanjang darurat. Untuk pemulihan Malaysia bermula dengan asasnya, bahawa keadilan akan ditegakkan dalam semua lapisan kerajaan – dari pejabat Perdana Menteri ke penjawat awam, termasuk pihak polis, imigresen, dan tentera;
- b. **Sistem Kehakiman Yang Bebas Dari Sebarang Pengaruh.** Agar sistem Kehakiman akan sentiasa menegakkan keadilan untuk semua orang mengikut Perlembagaan negara dan mempertahankan kebebasan semua dengan adil dan sewajarnya kepada semua orang, agar keadilan dilaksanakan, dan membongkarkan gejala rasuah dan ketidakadilan. Kita mengucapkan syukur bagi hakim-hakim yang berani;
- c. **Statistik Rasmi Kerajaan Tidak Diubah Sesuka Hati.** Semoga semua yang bekerja akan sentiasa amanah dalam segala hal, tidak kira sama ada berada dalam perkhidmatan awam mahupun swasta. Bahawa analisa dan laporan statistik akan tepat dan tidak dipengaruhi oleh sebarang pihak hanya kerana ingin menghalalkan dasar kerajaan yang berat sebelah, terutamanya golongan yang sentiasa menghasut dan menjadi batu api sambil membangkitkan hal-ehwal perkauman, dan lain-lain;
- d. **Memperbetulkan Sebarang Perundangan Yang Menindaskan Orang.** Terutamanya undang-undang yang melanggar hak asasi manusia seperti kebebasan beragama, dan perundangan yang menindaskan orang dari segi kebebasan bersuara, termasuk syarikat media sesawang;
- e. **Mangsa Penculikan Oleh Pihak Berkuasa.** Untuk mengingati mangsa yang diculik oleh golongan yang berkuasa: *Pastor Raymond Koh* yang diculik pada February 13<sup>th</sup>, 2017, *Joshua Hilmy*, *Ruth Sitepu* dan *Amri Che Mat*. Berseru kepada Allah untuk bercampur tangan supaya mereka yang tertuduh dan didapati bersalah akan diberkas dan dihukum supaya keadilan ditegakkan;
- f. **Mangsa Kematian Orang Yang Kena Tangkap (OKT) Dalam Tahanan.** Dalam sesi Parlimen pada Mac 28, 2017 Kementerian Dalam Negeri memberikan statistik rasmi bahawa terdapat 257 kes kematian OKT dalam tahanan dari 2002 dan 2016. Doakan siasatan akan terus dijalankan. Doakan budaya negatif ini terhadap orang dalam tahanan akan dibasmikan, dan pihak berkuasa akan memastikan bahawa salah laku pihak pegawai polis yang bertanggungjawab atas perbuatan yang keji ini ditangani;
- g. **Orang Asli dan Orang Asal.** Tanah adat dirampas, cara kehidupan tradisional terjejas, ekonomi terbantut, dan pelbagai hak asasi manusia dilanggar oleh kerana kerakusan manusia. Orang Asli dan orang Asal masih menderita kerana ketidakseimbangan ekonomi dan mereka terus dipinggirkan dari segi kemajuan dan pembangunan. Mereka juga tidak dipertahankan dari segi perundangan sewaktu tanah adat mereka dimajukan. Pihak berkuasa harus memperbetulkan kesalahan ini, dan melindungi mereka dari ugutan, keganasan, dan perampasan tanah. Doa kepada Allah untuk golongan yang tertindas ini;
- h. **Pendatang, Pekerja Asing, Dan Orang Pelarian.** Terdapat sekurang-kurangnya 2 juta pekerja asing di Malaysia, di mana mereka membentuk kira-kira 15% jumlah tenaga pekerja secara keseluruhan. Tiada usaha nyata yang dilakukan untuk melindungi kebanyakan pekerja asing ini yang memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi Malaysia, di mana kegagalan untuk melindungi mereka akan menjejaskan pelbagai industri, perniagaan dan pertanian. Doakan agar lebih ramai orang lagi akan bangkit untuk membela hak-hak pendatang asing haram, memandangkan situasi baru-baru ini di mana

Pengarah Imigresen telah menghantar hampir 1,100 orang pelarian Myanmar melalui kapal tentera laut Myanmar – perbuatan yang melanggar arahan Mahkamah Tinggi; dan,

- i. **Dasar Yang Adil Untuk Semua Bangsa.** Untuk menghapuskan dasar lama hanya kerana kerakusan kuasa berlandaskan dasar politik, agama dan bangsa yang bebal.

#### 4. KEADILAN UNTUK MANGSA MH370

Pesawat MH370 hilang secara tiba-tiba pada Mac 8, 2014, di mana 12 anak kapal dan 227 penumpang dari 4 benua telah dianggap mati. Berdekatan ulangtahun ke-7 kehilangan MH370, marilah kita berdoa untuk keluarga-keluarga mangsa. Doakan agar kerajaan-kerajaan yang terlibat akan memikul tanggungjawab mereka untuk mengejar kebenaran dalam hal ini, supaya siasatan ini dapat ditutup, dan pihak keluarga-keluarga mangsa juga boleh mengalami ketenteraman jiwa. Doakan agar siasatan akan berterusan supaya misteri ini akhirnya diselesaikan.



#### 5. GEREJA – KELUARGA ROHANI KITA

- a. **Seruan Untuk Kekudusan.** 2 Tawarikh 7:13-14 mengingatkan kita bahawa Allah memulihkan setiap bangsa sewaktu umat Allah merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Nya dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat. Pada musim Pra-Paskah ini, secara rendah hati berdoa supaya Allah menunjukkan di mana kita telah menyimpang, agar kita merendahkan diri, mengakui dosa kita, dan kembali kepada Allah. Memandangkan kegagalan moral pemimpin gereja dan pastor baru-baru ini yang semakin merosot di peringkat dunia, marilah kita doakan agar lapisan pemimpin kita akan tetap kudus dalam segala hal dan dilindungi dari semua percubaan. Semoga Allah melindungi para pastor, pemimpin gereja, dan keluarga mereka;
- b. **Seruan Untuk Bersatu.** Mari kita berdoa agar Allah menyatukan gereja-gereja serta para pemimpin gereja di Malaysia. Doakan untuk kasih yang menutup banyak dosa, bahawa kita akan mengatasi roh persaingan, dan mengampuni mereka yang bersalah terhadap kita, serta menerima pengampunan daripada orang yang kita telah berdosa akan. Kita mengingatkan Firman Tuhan dalam **Ibrani 12:14** - *Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada sesiapa pun dapat melihat Tuhan;*
- c. **Seruan Untuk Sentiasa Bersedia Mengkhabarkan Injil.** Doa agar umat Kristian akan mengambil kesempatan pada musim ini untuk mengkhabarkan Injil dengan berani kepada sesiapa yang telah putus harapan sekarang, kerana hanya melalui transformasi jiwa, negara ini boleh berubah;
- d. **Seruan Untuk Menegakkan Keadilan.** Mintalah Allah untuk keberanian dan kekuatan dalam menyuarakan hal-hal ketidakadilan dan penindasan tanpa berasa takut. Doa bahawa lebih banyak gereja dan ahli masyarakat akan berani tampil ke depan dan mempertahankan hak-hak golongan miskin, tertindas, dan dinafikan hak asasi mereka.
- e. **Seruan Untuk Melayan Masyarakat.** Umat Kristian tidak harus berasa takut dijangkiti Covid-19 dan berhenti melayan, tetapi tampil ke depan dalam iman untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih tanpa sebarang ketakutan akan kematian di tengah-tengah wabak dahulu.
- f. **Seruan Untuk Berakar Dalam Kristus.** Doakan agar kita akan berakar umbi dalam Tuhan Yesus Kristus, sentiasa peka terhadap pimpinan Roh Kudus supaya kita dapat melayani orang lain dan dipakai sebagai bejana-Nya sesuai dengan rencana-Nya.
- g. **Seruan Untuk Sentiasa Bersedia.** Memandangkan syarat-syarat penyekatan sentiasa berubah, doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka sentiasa bersedia melayani di tengah-tengah perubahan ini, termasuk kesediaan untuk memulakan ibadahraya secara fizikal sekali lagi serta memenuhi keperluan rohani dari segi ibadahraya dalam talian.

## 6. DOAKAN MEREKA YANG MEMERLUKAN PENGHIBURAN

- a. **Golongan Sakit Dan Sedang Berkabung.** Kita doakan mereka yang sakit serta yang telah mengalami kematian ataupun penyakit baru-baru ini. Semoga mereka berharap kepada Tuhan untuk kekuatan dan penghiburan, sedangkan ada yang masih rindu akan orang yang dikasihi dalam peringatan mereka. Berdoa Tuhan akan pulihkan mereka dengan kekuatan dan harapan-Nya. Kita juga berterima kasih atas mereka yang telah mengalami penyembuhan oleh kerana Tuhan menjawab doa mereka;
- b. **Kedamaian Sewaktu Berhadapan Dengan Pandemik Covid-19.** Pada masa ini yang penuh dengan ketidakpastian, doakan agar semua akan mengalami sejahtera Allah akan memelihara hati dan minda kita, bahawa kita akan mengingati bahawa Allah berada di tengah-tengah kita. Agar kita tidak bimbang akan keselamatan pelbagai vaksin serta kemujarabannya, tetapi untuk percaya dalam perlindungan Allah sewaktu kita mengasihi mereka di sekeliling dengan mengambil vaksin dan memakai pelitup muka untuk melindungi semua orang di sekeliling kita, bagai jiwa yang dipakai oleh Allah untuk memberkati dunia;
- c. **Prihatin Terhadap Orang Lain Dan Memberikan Mereka Sokongan.** Walaupun kita dinasihati untuk mengamalkan jarak sosial antara satu sama lain, mintalah Allah memberi kita cara baru untuk menjangkau dan menyokong mereka yang memerlukan dorongan, terutamanya golongan yang telah terjejas dari segi ekonomi, dan kanak-kanak juga yang sedang mengalami kebuluran. Semoga Allah memakai kita sebagai saluran berkat-Nya untuk membawa harapan, penghiburan, kelegaan hati, dan keberanian.
- d. **Kuatkan Dan Lindungi Semua Penjaga.** Berkati mereka yang melayan mereka yang sakit dengan penuh kasih sayang dan kesabaran, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, tidak kira jika mereka adalah golongan profesional, sukarelawan, ataupun ahli keluarga.
- e. **Golongan Mereka Yang Mengalami Penyakit Mental.** Semoga Roh Kudus akan menjamah serta menghiburkan mereka yang sedang mengalami kesakitan mental seperti kemurungan, kerisauan, dan lain-lain. Jauhi mereka dari sebarang godaan, dan berikan mereka kesabaran hati sewaktu diuji. Semoga kesihatan mereka dipulihkan dengan sepenuhnya, dan dapat mencari kedamaian dalam Yesus Kristus, supaya mereka terus berbuah untuk Dia sepanjang hidup mereka.

## 7. DOA UNTUK KELUARGA

*Memandangkan keluarga merupakan batu asas lapisan masyarakat, pelayanan dan tumpuan doa utama kita adalah keluarga. Marilah kita berdoa untuk keluarga yang tekun berdoa, berkumpul dalam ikatan silaturahim yang penuh dengan kasih, dan berharap kepada Allah dengan sepenuhnya untuk segala keperluan kita*

Allah yang Murah Hati, kita menghadap Engkau dan doakan agar Engkau memelihara keluarga kita. Lindungi mereka daripada virus Covid-19 dan segala malapetaka. Sila lindungi kita dari yang jahat serta dugaan yang mungkin mempengaruhi nafsu kita.

Bapa Syurgawi, kita doakan agar hubungan antara ahli keluarga dieratkan, di mana ibubapa memenuhi tanggungjawab mereka dalam membimbing anak mereka dalam hal rohani. Kita berdoa untuk ibubapa yang takut akan Allah, menjadi teladan yang bagus dalam segala hal rohani, menjadi terang dan garam dalam pemikiran, perbuatan dan pertuturan, dan setia kepada Tuhan dalam segala hal. Kita berdoa agar ibubapa akan memikul tanggungjawab ini dengan sepenuhnya, agar anak-anak mereka akan turut setia mematuhi Allah Maha Kuasa.

Bapa yang Kudus, oleh kerana penyekatan PKPB, peliharalah ahli keluarga kita dengan kesejahteraan Engkau, agar mereka akan serahkan segala sesuatu ke dalam tangan-Mu. Kita berdoa agar Engkau memelihara hati dan minda mereka daripada kerisauan, kebencian, kemarahan, ataupun kekecewaan, tetapi dipenuhi oleh kebijaksanaan dan Roh Kudus. Semoga kita bersatu secara rohani dalam kasih walaupun terpisah buat masa ini. Semoga Engkau memelihara kita dari sebarang kejahatan dan malapetaka agar kita dapat bertemu pada masa depan sesuai dengan waktunya.

Kita doakan agar tempat kediaman kita akan menjadi tempat berteduh di mana berkat, penghiburan, kesejahteraan, dan kasih sesama sendiri berkelimpahan. Berikan kita kemurahan hati, semoga kita menjadi berkat kepada jiran-jiran, kawan-kawan, mahupun orang yang kita tidak kenali. Semoga keluarga kita benar-benar keluarga yang bahagia oleh kerana hadirat Allah. Dalam nama Yesus kita berdoa, AMIN.

## 8. BERDOA UNTUK BANGSA

### a. MYANMAR

Doakan agar Allah akan campur tangan secara luarbiasa walaupun pihak tentera terus menindas rakyat Myanmar dengan kekerasan keganasan setelah merampas kuasa. Doakan agar Gereja di Myanmar akan tetap setia, diberi kebijaksanaan dan keberanian dalam pelayanan, dan secara aman damai bersatu dengan rakyat sewaktu menentang rampasan kuasa yang haram ini. Doakan agar kuasa akan dikembalikan kepada kerajaan yang dilantik secara demokratik secepat mungkin. Doakan agar Gereja Myanmar akan menjadi terang dan garam di tengah-tengah segala yang berlaku sekarang.



Sumber: AFP/MYITKYINA NEWS JOURNAL

### b. HONG KONG DAN CHINA

Walaupun kerajaan China semakin menghakis kuasa pemerintahan demokratik Hong Kong sedikit demi sedikit, doakan agar Gereja akan terus kuat dan berani mempertahankan hak asasi manusia walaupun berdepan dengan kemungkinan besar bahawa penganiayaan bakal berlaku sebagaimana yang sedang berlaku di China sekarang.

Doakan agar Gereja akan terus bertabah dan disempurnakan seperti emas tulen, sewaktu mereka melalui masa yang amat mencabar sekarang.



Sumber: PETER PARKS/AFP/GETTY

## 9. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda, terutamanya hal yang berkaitan dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda dalam musim ini.

### **YIELD MENYERAH DIRI**

*Pada musim Pra-Paskah ini, semoga kita menyerupai Tuhan Yesus Kristus, menyerahkan hidup kita kepada Bapa Syurgawi dengan sepenuhnya, agar kita menjadi berkat di kalangan keluarga, gereja, dan komuniti masing-masing. Seperti Kristus, semoga kita menyangkal diri dan memikul salib setiap hari. Dengan demikian, semoga kita dapat menggalakkan yang lain untuk hidup sepenuhnya bagi Kristus sambil menantikan kedatangan-Nya kelak.*

### **DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13* <sup>AVB</sup>**

“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”

### **NYATAKAN *Ratapan 3:22-26* <sup>AVB</sup> BERSAMA-SAMA**

*Kerana kasih setia Tuhan tidak pernah lenyap,*

*belas kasihan-Nya tidak akan pudar.*

*Semuanya baru setiap pagi.*

*Besarnya kesetiaan-Mu!*

*"Tuhan ialah Pusakaku," kata jiwaku,*

### **CADANGAN LAGU PENUTUP: ROH KUDUS DATANGLAH**

[V1] Roh Kudus datanglah  
Jamahlah tiap hati jamahlah  
Segarkanlah yang lelah  
Kuatkanlah yang lemah  
Roh Kudus Roh Kudus kuatkanlah

[V2] Roh Kudus hiburlah  
Tiap hati yang gentar hiburlah  
Lewat lembah yang curam  
Jalan licin dan terjal  
Roh Kudus Roh Kudus pimpinlah

Pautan:

<https://www.youtube.com/watch?v=beLH0XPfygs>

"sebab itu aku berharap kepada-Nya."  
 Tuhan itu baik bagi orang yang menanti-nantikan Dia,  
 bagi jiwa yang mencari hadirat-Nya.  
 Baik jika seseorang menanti dengan tenang akan penyelamatan daripada Tuhan.

**BERDIAM DIRI** BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

**2021 – TAHUN TEKUN MENYEMAI**



**BUKU TAHUN DOA MALAYSIA 2021**

Muat turun salinan lengkap **Tahun Doa Malaysia 2021** di sini.

(Pautan: <https://drive.google.com/drive/folders/1izl7KVWbdXlrPIEpU--VGIRjTJihoHMN?usp=sharing>)

Mari bangkitkan sejuta orang Kristian untuk doakan **Doa Bapa Kami** pada pukul 12 tengah hari tiap-tiap hari. Pasangkan alat penggera masing-masing dan berehat dalam pujian pada pukul **12 tengah hari**.

**Membaharui Ikrar Untuk Doakan Mereka Yang Sesat**

**BERDOA SUPAYA ORANG LAIN MENGENALI YESUS MERUPAKAN SALAH SATU PERKARA BESAR YANG KAMI BOLEH LAKUKAN. DOA TANPA HENTI UNTUK GOLONGAN SESAT BOLEH MEMBAWA PERUBAHAN KE DALAM KEHIDUPAN MEREKA. BERDOA SECARA BEGITU MEMERLUKAN DISIPLIN, DAN TERDAPAT PELBAGAI CARA DI MANA KAMI BOLEH MEMUPUK TABIAT TERSEBUT.**

- BERDOA UNTUK 5 ORANG**  
Pilih 5 kenalan anda dan berdoa untuk penyelamatan mereka setiap hari.
- KHASKAN WAKTU UNTUK BERDOA**  
Pasangkan penggera supaya anda diingati berdoa setiap hari untuk golongan yang sesat agar mereka diberi peluang menerima penyelamatan daripada Yesus Kristus.
- MEMBUAT KOMITMEN**  
Jika anda tidak pernah berdoa, sekarang tiba waktunya berikrar dan berdoa untuk mereka yang sesat. Jika anda pernah berikrar sedemikian dahulu, perbaharui ikrar anda dan minta Allah untuk membuka jalan supaya anda dapat kongsi Injil.
- DOAKAN 2 BANGSA BERLAINAN**  
Pilih 2 bangsa yang tidak pernah dijangkau agar anda boleh berdoa setiap hari untuk kecemerlangan rohani berlaku di kalangan mereka, di mana mereka menerima Injil yang memberi harapan dan keselamatan.

Berjanji untuk doakan 5 orang yang masih belum menerima penyelamatan Yesus Kristus setiap hari. Doa dengan penuh harapan.